

Nama / Tingkatan : _____ / _____

Tarikh : _____

TAJUK : PROSA TRADISIONAL ASAL PADI

Aktiviti 1: Lengkapkan sinopsis Prosa Tradisional Asal Padi yang berikut dengan jawapan yang betul.



Prosa tradisional Asal Padi mengisahkan sepasang suami isteri yang banyak memiliki harta. Mereka telah meninggal dunia dan meninggalkan (1)_____ orang anak lelaki yang masih kecil. Anak sulung yang bernama (2)_____ sudah agak besar tetapi kakinya cacat.

Pada suatu hari, Si Bongsu ternampak (3)_____ orang puteri dari kayangan baru selesai mandi dan bersiap-siap ingin pulang. Si Bongsu mengikut mereka ke (4)_____ sebelum mereka tiba-tiba (5)_____ diri. Si Bongsu terlihat benda berwarna kuning sedang dijemur di sebuah dusun yang disangkanya (6)_____. Si Bongsu meminta sedikit padi untuk ditanam di bumi tetapi tidak diperkenankan.

Pada suatu hari, Si Bongsu telah mengambil (7)_____ padi lalu memasukkannya ke dalam mulut untuk dibawa pulang ke Bumi. Malangnya, empunya padi itu menyedari padinya telah dicuri. (8)_____ Si Bongsu luka kerana dikejar oleh empunya padi yang menuduhnya mencuri benih padi. Setelah beberapa lama, Si Bongsu mendapat akal untuk menyorokkan beberapa (9)_____ padi di tumitnya. Kemudian, Si Bongsu meminta izin untuk pulang ke bumi.

Si Bongsu tiba di bumi dengan selamat. Si Bongsu pun (10)_____ padi dan hasil yang diperoleh sangat memuaskan. Sebaliknya, padi di kayangan tiada (11)_____. Empunya padi menghantar burung pipit dan Si Tekuri untuk memeriksa keadaan di bumi. Akhirnya, burung pipit dibunuh oleh (12)_____ kerana berbohong kepada empunya padi.

4.0 ASPEK BAHASA

S.P 4.1.1 Memahami dan mengapresiasi karya prosa dengan memberikan respon peribadi tentang **sinopsis, tema dan persoalan** dengan betul, rasional dan penuh penghayatan.

Aktiviti 2 : Tentukan sama ada pernyataan-pernyataan berikut merupakan tema atau persoalan.

Bil	Tema / Persoalan	Pernyataan
1		Persoalan tentang sikap tidak berputus asa dalam melakukan sesuatu.
2		Persoalan tentang kehidupan masyarakat yang hidup berlandaskan budi pekerti.
3		Persoalan tentang kekayaan di dunia tidak akan kekal dan tidak boleh dibawa mati.
4		Kebijaksanaan dalam menyelesaikan masalah.

Aktiviti 3 : Padankan watak-watak yang berikut dengan perwatakannya yang sesuai.

Bil	Perwatakan	Watak
1	Anak sulung daripada dua orang adik-beradik.	
2	Seekor burung yang membunuh burung pipit kerana menipu.	
3	Seorang yang teliti.	
4	Seorang yang bijak.	
5	Seorang petani di kayangan.	
6	Seorang yang tidak mudah berputus asa.	
7	Seekor burung yang tidak jujur.	
8	Golongan yang baik hati.	